

# Covid-19: UMS, HATWKK jalin kerjasama

DE 30.04.2020 P.3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) terus memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan menangani masalah pandemik Covid-19.

Terdahulu, UMS telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Hospital Angkatan Tentera Wilayah Kota Kinabalu (HATW KK) dalam menjalankan pelaksanaan ujian pengesahan Covid-19.

Kerjasama ini adalah hasil daripada hasrat pihak HATWKK yang disampaikan lebih awal kepada pihak UMS.

Naib Canselor UMS, Professor Datuk ChM Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata dengan kemudahan makmal yang ada di UMS dan kumpulan penyelidik yang berkaliber.

"UMS berupaya membantu pihak HATWKK mempercepatkan pengesahan sampel Covid-19 dalam membanteras wabak pandemik ini," katanya.

Oleh itu, satu mesyuarat telah diadakan di antara pihak IPB dan HATW KK baru-baru ini.

IPB telah diwakili oleh pengarahnya Dr Zarina Amin manakala pihak HATW KK



DR ZARINA (tiga dari kanan) dan Kol Shamsul (dua dari kiri) bergambar bersama kakitangan IPB dan HATWKK yang lain.

oleh Ketua Bahagian Perubatan Operasi, Kol (Dr) Shamsul Bahary B. Muhamad.

Dalam perbincangan tersebut, IPB menyatakan kesediaan untuk menerima sampel dari HATW KK untuk diuji di makmal Bio-Keselamatan Level-3 (BSL<sub>3</sub>) yang

terdapat di institut itu.

Dalam perjumpaan tersebut, pihak HATW KK juga diberi penjelasan mengenai mengenai prosedur operasi standard (SOP) penghantaran dan penerimaan sampel di makmal BSL<sub>3</sub> tersebut.